



PROF Wan Hashim Wan Ibrahim menyampaikan sijil dan hadiah kepada kumpulan terbaik bengkel PRESTIGE anjuran SHELL Malaysia dengan kerjasama UNIMAS. Turut kelihatan Pengurus Besar SHELL Malaysia, Mark Pattenden.

## 55 pelajar UNIMAS sertai bengkel PRESTIGE

*V8 Selasa 11/8/09 p.5*

KUCHING, Isnin — Seramai 55 pelajar kejuruteraan tahun akhir Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerima sijil masing-masing selepas berjaya menamatkan latihan bengkel PRESTIGE (Practical Environment, Safety and Industrial Guidance for Engineers) di pusat latihan UNIMAS, Bau baru-baru ini.

Penyampaian sijil dan hadiah kepada para pelajar telah dilakukan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan UNIMAS, Profesor Wan Hashim Wan Ibrahim mewakili Naib Canselor UNIMAS, Prof Dr Khairuddin Abd Hamid dalam satu majlis yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di sini semalam.

Terdahulu dalam teks ucapan beliau yang dibacakan Prof Wan Hashim, Khairuddin memberikan penghargaan di atas usaha SHELL Malaysia mewujudkan program latihan ini dengan usahasama pihak UNIMAS serta beberapa buah agensi lain.

Katanya, ini merupakan kali ketiga program ini dilaksanakan oleh UNIMAS dan SHELL dan ia harus dijadikan contoh oleh industri lain untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap dunia pekerjaan sebenar.

"Saya percaya sepanjang tempoh dua hari bengkel diadakan, para peserta yang terdiri daripada pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS telah mendapat pendedahan dan pengetahuan mendalam berhubung SHELL dan industri pekerjaan sebenar.

"Justeru, saya berharap agar usa-

hasama ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang bukan sahaja untuk kepentingan pihak SHELL sendiri, dalam masa sama turut memanfaatkan pelajar kita yang juga merupakan bakal pekerja kelak," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar SHELL Malaysia, Mark Pattenden berkata bahawa SHELL begitu komited dalam menguruskan perkara berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar dalam pelbagai bidang.

Justeru, katanya, SHELL mengambil inisiatif untuk mengadakan program ini, sebagai persediaan di kalangan bakal graduan yang akan menempuh alam perkerjaan pada masa akan datang.

"Aspek keselamatan, kesihatan di tempat kerja dan pada hari-hari biasa amat penting, maka adalah perlu untuk kita menyemai sikap keprihatinan terhadap aspek ini pada setiap masa," katanya.

Bengkel interaktif selama dua hari yang diadakan di Bau, hujung minggu lepas meliputi pelbagai aktiviti seperti latihan dalam kumpulan, ceramah, pembentangan serta latihan keselamatan di tempat kerja.

Selain penceramah dari SHELL, penganjur turut menjemput penceramah dari Jabatan Alam Sekitar (DOE) serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan kepada para peserta.